

## *Strategi Bacaan Berstruktur Bagi Meningkatkan Kosas Kata Dalam Penulisan*

**Elyani Mohamed**

elyani\_mohamed@schools.gov.sg

**Noorlin Haron**

noorlin\_haron@schools.gov.sg

**Sekolah Rendah Bedok Green**

### *Abstrak*

Penguasaan kosas kata yang baik dapat membantu murid meningkatkan kelakonan mereka dalam penulisan karangan. Kajian ini meninjau keberkesanan kaedah Pemetaan Semantik (*Semantic Mapping*) dalam pengajaran dan pembelajaran kosas kata. Kajian ini melibatkan murid Darjah 4. Kaedah ini membantu murid membina hubungan antara perkataan dan meningkatkan pembelajaran kosas kata. Dengan menulis kata seerti, kata berlawanan, ayat yang menunjukkan makna perkataan dan ayat yang menunjukkan perkara yang berlawanan, murid akan memahami perkataan tersebut dengan lebih mendalam lagi. Portal SLS digunakan sebagai wadah untuk menggalakkan pembelajaran sendiri murid. Dapatan kajian menunjukkan bahawa terdapat peningkatan dari segi keupayaan murid menggunakan kosas kata yang sesuai dalam konteks penulisan yang diberikan.

Kata Kunci: program bacaan, pemetaan semantik, kosas kata.



## PENGENALAN

Penguasaan kosa kata merupakan antara masalah yang dihadapi murid dalam pembelajaran bahasa Melayu. Ini mungkin disebabkan beberapa perkara seperti kurang pendedahan kepada Bahasa Melayu di rumah, kurang membaca dan sebagainya.

Sebagai langkah intervensi, jabatan Bahasa Melayu Sekolah Rendah Bedok Green telah melaksanakan Program Bacaan Berstruktur. Kajian ini memperkenalkan Program Bacaan Berstruktur yang menggunakan kaedah Pemetaan Semantik (Semantic Mapping) bagi membantu murid mempertingkatkan penguasaan kosa kata mereka.

Penerapan elemen Amalan Pengajaran Singapura (STP) yang mendasari kajian ini ialah Aspek Pengajaran (AP) Memperkasakan Pelajar dalam Proses Pengajaran Budaya Positif di dalam Bilik Darjah. Bagi Penilaian dan Maklum Balas pula, AP Menyokong Pembelajaran Secara Kendiri digunakan. Portal SLS digunakan sebagai wadah bagi memantau perkembangan pembelajaran kosa kata murid.

Oleh yang demikian, pengkaji ingin menambah nilai pengajaran dan pembelajaran (PdP) dengan membuat kajian yang menggunakan Program Bacaan Berstruktur dalam meningkatkan kosa kata dalam penulisan. Program ini menggunakan kaedah Pemetaan Semantik yang dicungkil dari kaedah *Semantic Mapping* oleh Baumann dan rakan-rakan (Baumann et al., 2002).

## PERNYATAAN MASALAH

Dalam format peperiksaan Bahasa Melayu, komponen penulisan karangan merupakan kertas dalam Bahagian Kertas 1. Dalam peperiksaan akhir tahun 2020, pengkaji mendapati bahawa murid Darjah 4 mendapat markah yang kurang cemerlang bagi bahagian penulisan karangan. Lebih daripada 68% mendapat aras pencapaian atau *Achievement Level* (AL5) ke bawah. Kurang daripada 20% mendapat markah aras AL1 dan AL2.



Pengkaji mendapati bahawa secara keseluruhan, murid lemah dalam bahagian bahasa. Antara sebabnya ialah penguasaan kosa kata yang lemah. Penggunaan kosa kata yang baik merupakan antara elemen yang terpenting dalam komponen bahasa bagi pemarkahan kertas penulisan karangan. Penggunaan kosa kata yang baik dapat membantu meningkatkan markah komponen bahasa dalam penulisan karangan terutamanya bahagian karangan bergambar.

Oleh itu, kajian ini memperkenalkan kaedah Pemetaan Semantik dalam Program Bacaan Berstruktur bagi membantu murid mempertingkatkan penguasaan kosa kata mereka. Keupayaan untuk menganalisis bahagian kata juga membantu apabila murid mempelajari perbendaharaan kata yang tidak diketahui. Sekiranya murid mengetahui maksud kata dasar dan imbuhan, mereka lebih cenderung memahami perkataan yang mengandungi bahagian kata ini. (Baumann et al., (2002); Baumann, Edwards, Boland, Olejnik, and Kame'enui, (2003); Graves, (2004)),

## **TUJUAN KAJIAN**

Tujuan kajian ini adalah untuk:

1. meninjau keberkesanan Program Bacaan Berstruktur bagi meningkatkan kosa kata murid; dan
2. melihat peningkatan kosa kata murid dalam penulisan karangan.

## **KAJIAN LEPAS**

Semua pendidik bahasa dan ahli linguistik pasti setuju bahawa penguasaan kosa kata merupakan antara faktor penting dalam proses pembelajaran murid untuk menjadi lebih fasih dalam bahasa tersebut, dari segi tulisan mahupun lisan. Menurut Linse (2006), penguasaan kosa kata yang luas membantu pembelajaran bahasa yang berkesan.

Menurut Wilkins (1987) pula, kosa kata merupakan asas dan tunjang sesuatu bahasa. Tanpa kosa kata tiada bahasa. Tanpa penguasaan kosa



kata yang luas dalam pelbagai konteks, murid tidak mampu berkomunikasi, menyampaikan idea atau meluahkan perasaan dengan berkesan.

Menurut Vanessa Steele (2008), penggunaan perkara-perkara yang visual seperti peta minda dan penyusunan grafik merupakan salah satu aktiviti pembelajaran penulisan yang berkesan. Ini merupakan strategi berstruktur yang menunjukkan perkaitan idea. Dengan adanya informasi yang tersusun dan berkaitan, murid dibantu untuk menyusun idea ketika menulis.

Antara kajian yang menyentuh pengajaran kosa kata melalui kaedah permainan pula ialah kajian Keberkesanan App Bitara Kata dalam Pembelajaran Kosa Kata oleh Dewi Kartika Sudirman dan Sharifah Hafsa Mohamed Hanifa (2018), Penggunaan Kad Permainan Bagi Meningkatkan Penguasaan Kosa Kata oleh Ridzuan Abraham dan Natasa Liyana Lockman (2019) dan Penerapan Strategi Didik Hibur Dalam Meningkatkan Kosa Kata Bagi Kemahiran Lisan oleh Milahwati Hussain (2019) juga merupakan antara usaha para pendidik setempat untuk membantu murid mempertingkatkan penguasaan kosa kata murid.

Pada tahun 2020, Jabatan Bahasa Melayu Sekolah Perempuan Haig telah menjalankan kajian bertajuk Pengayaan Kosa Kata Dalam Karangan Berdasarkan Gambar Bersiri Melalui Portal SLS. Menurut Norah dan Norasiken (2020), strategi yang digunakan bagi kajian mereka dapat meningkatkan kebolehan dan kemahiran murid menulis karangan bergambar dengan lebih baik dan menarik. Ia telah dapat memperkayakan kosa kata murid bagi membantu mereka menghasilkan karangan bergambar yang lebih bermutu.

Oleh itu, pengkaji ingin mengaplikasi Program Bacaan Berstruktur yang menggunakan Pemetaan Semantik sebagai perkara yang visual untuk membantu pembelajaran penulisan yang berkesan. Bagi pengajaran kosa kata pula, penggunaan alat bantu pengajaran yang kreatif amat membantu dalam PdP kosa kata, memandangkan profil murid terdiri daripada pelajar audio-visual.



Pengalaman menggunakan portal SLS semasa HBL telah menjadi satu norma dan membiasakan guru dan murid dengan cara-cara menggunakan portal tersebut dengan baik dan mahir. Setelah melakukan pelbagai latihan menerusi portal SLS semenjak pemutus rantai jangkitan COVID-19, penggunaan portal tersebut kini menjadi wadah PdP yang lebih interaktif dan menarik.

## **KAEDAH KAJIAN**

### **Subjek Kajian**

Kajian ini melibatkan 40 orang murid Darjah 4. Subjek kajian merupakan kumpulan murid dari pelbagai kebolehan. 50% daripada mereka berada pada aras kebolehan, 30% melebihi aras kebolehan dan 20% daripada praaras kebolehan.

### **Instrumen Kajian**


Kertas karangan berdasarkan gambar bagi peperiksaan akhir tahun, digunakan sebagai instrumen mengumpul data prapembelajaran. Tajuk yang diberikan dalam karangan bergambar tersebut ialah 'Kitar Semula'. Tema yang berkaitan adalah 'Menjaga Alam Sekitar'.

Bagi instrumen mengumpul data pascapembelajaran pula, murid diberikan latihan karangan berdasarkan gambar yang juga mempunyai tema menjaga alam sekitar. Soalan karangan dipetik daripada pakej karangan keluaran MLCS.

Sebagai langkah intervensi, guru menggunakan kaedah Pemetaan Semantik seperti yang terpapar dalam Rajah 1.



### Rajah 1: Pemetaan Semantik



Portal SLS digunakan sebagai wadah untuk memperkasakan murid dalam penggunaan kosa kata melalui bahan pengajaran seperti video induksi, bacaan dan lain-lain. Bagi menggalakkan pembelajaran sendiri, guru merancang pelajaran menggunakan portal SLS. Dalam portal SLS, terdapat 3 bahagian, yakni latihan Induksi, teks bacaan dan latihan kosa kata.

### Prosedur Kajian

Kajian ini menerapkan elemen STP seperti AP Memperkasakan Pelajar dan AP Mengajar Menyokong Pembelajaran Secara Kendiri

Sebagai prapembelajaran, murid telah mempelajari 15 perkataan dalam dua unit dalam Buku Teks CEKAP yang bertemakan alam sekitar, yakni 'Air Oh Air' dan 'Pengalaman Berharga'. Murid belajar makna perkataan berdasarkan konteks dalam petikan-petikan yang terdapat dalam unit-unit tersebut.

Bagi sesi pengajaran pertama, guru mengajar 7 perkataan dalam Unit 'Air oh Air', Buku Teks CEKAP 4B. Guru menggunakan kaedah Pemetaan Semantik untuk mengajarkan perkataan-perkataan berikut berdasarkan konteks dalam petikan-petikan yang terdapat dalam Buku Teks CEKAP.

Seterusnya, bagi sesi pengajaran kedua, murid melalui pembelajaran dalam portal SLS berdasarkan 7 perkataan yang telah diajarkan. Latihan Induksi

merupakan klip video ringkas mengenai tema teks bacaan. Murid menjawab beberapa soalan kefahaman berdasarkan video tersebut. Seterusnya, murid membaca teks yang telah disediakan guru. Teks ini mengandungi ketujuh-tujuh perkataan yang telah diajarkan, yang tersenarai dalam Unit 'Air oh Air'. Dalam latihan kosa kata, murid dikehendaki memberi makna perkataan, membina ayat yang menunjukkan makna perkataan, memberi perkataan berlawanan dan membina ayat yang menunjukkan makna perkataan yang berlawanan. Murid tidak dibenarkan merujuk kepada nota atau pemetaan semantik yang telah mereka lakukan.

Dalam sesi pengajaran ketiga, guru mengajar 8 perkataan baharu. Perkataan ini terdapat dalam unit 'Pengalaman Berharga', Buku Teks CEKAP 4A. Guru menggunakan kaedah Pemetaan Semantik untuk mengajarkan perkataan-perkataan berikut berdasarkan konteks dalam petikan-petikan yang terdapat dalam Buku Teks CEKAP.

Dalam sesi pengajaran keempat, murid melalui pembelajaran dalam portal SLS berdasarkan 8 perkataan tersebut. Prosesnya sama seperti pengajaran kedua. Murid akan membaca teks yang telah disediakan guru. Teks ini mengandungi kelapan-lapan perkataan yang telah diajarkan.

Seterusnya, murid menulis karangan berdasarkan gambar. Murid diberikan masa selama 40 minit untuk menyelesaikan tugas ini.

Kaedah Pemetaan Semantik digunakan sebagai intervensi pada setiap sesi apabila guru memperkenalkan perkataan-perkataan baharu kepada murid. Proses ini bertujuan untuk membantu murid mengenal pasti, memahami, mengaplikasi dan menambah nilai kosa kata baharu dalam pembinaan ayat khususnya dalam penulisan karangan mereka kelak.


## **DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN**

Dapatan kajian menunjukkan peningkatan pada penggunaan kosa kata yang dipelajari dalam kalangan murid praaras kebolehan, pada aras kebolehan dan melebihi aras kebolehan (LP, MP dan HP).




Secara keseluruhan, terdapat peningkatan dalam jumlah penggunaan kosa kata dalam senarai, dalam kalangan murid MP dan HP. Dalam kalangan murid LP pula, tiada peningkatan yang signifikan bagi jumlah kosa kata yang digunakan dalam karangan seperti yang ditunjukkan dalam Rajah 2 berikut.

**Rajah 2: Dapatan Kajian Peningkatan Kosa Kata Bagi Kumpulan LP**



Dalam kalangan murid MP pula, sebanyak 38% murid menunjukkan peningkatan dalam penggunaan kosa kata yang terdapat dalam senarai semasa penulisan karangan. Sila lihat Rajah 3.


**Rajah 3: Dapatan Kajian Peningkatan Kosa Kata Bagi Kumpulan MP**



Dalam kalangan murid HP pula, terdapat peningkatan dalam penggunaan kosa kata dalam penulisan karangan. Sebanyak 94% orang murid menggunakan senarai kosa kata dalam penulisan karangan seperti yang dipaparkan dalam Rajah 4 berikut.




**Rajah 4: Dapatan Kajian Peningkatan Kosa Kata Bagi Kumpulan LP**



Dalam kalangan murid LP pula, tiada peningkatan dari segi penggunaan jumlah kosa kata. Kosa kata yang digunakan juga tiada perbezaan, yakni hanya perkataan ‘menuju’ sahaja yang digunakan sebelum dan selepas intervensi seperti dalam Rajah 5 berikut.


**Rajah 5: Dapatan Kajian Penggunaan Kosa Kata Bagi Kumpulan LP**



Rajah 6 menunjukkan, dalam kalangan murid MP pula, terdapat 5 perkataan dalam senarai yang digunakan dalam karangan sebelum intervensi dan 8 perkataan selepas intervensi. Bagi perkataan yang digunakan sebelum dan sesudah intervensi, semuanya menunjukkan peningkatan. 6 perkataan dalam senarai yang tidak digunakan dalam karangan sebelum intervensi, digunakan selepas intervensi. 3 perkataan dalam senarai yang digunakan sebelum intervensi, tidak digunakan selepas intervensi.




**Rajah 6: Dapatan Kajian Penggunaan Kos Kata Bagi Kumpulan MP**



Rajah 7 pula menunjukkan bahawa dalam kalangan murid HP, terdapat 7 perkataan dalam senarai yang digunakan dalam karangan sebelum intervensi dan 10 perkataan selepas intervensi. Bagi perkataan yang digunakan sebelum dan sesudah intervensi, semuanya menunjukkan peningkatan. 6 perkataan dalam senarai yang tidak digunakan dalam karangan sebelum intervensi, digunakan selepas intervensi. 3 perkataan dalam senarai yang digunakan sebelum intervensi, tidak digunakan dalam karangan selepas intervensi.

**Rajah 7: Dapatan Kajian Penggunaan Kos Kata Bagi Kumpulan HP**



Terdapat perbezaan dari segi kos kata yang banyak digunakan sebelum dan sesudah intervensi. Ini disebabkan gambar dan jalan cerita sesebuah karangan itu mempengaruhi kos kata yang digunakan. Walaupun kajian ini mengekalkan tema karangan yakni menjaga alam sekitar, gambar-gambar yang diberikan serta jalan cerita terdapat sedikit kelainan.

## KESIMPULAN

Program Bacaan Berstruktur yang menggunakan kaedah Pemetaan Semantik bagi kajian ini ternyata telah dapat meningkatkan penggunaan kosa kata murid bagi membantu mereka menghasilkan karangan bergambar yang lebih bermutu.

Penggunaan portal SLS juga telah membantu murid mengukuhkan pemahaman mereka terhadap makna dan penggunaan semua kosa kata yang terdapat dalam senarai. Video-video induksi dan petikan-petikan yang digunakan telah membantu murid memahami makna kosa kata dalam sesebuah konteks.

Guru-guru Sekolah Rendah Bedok Green merancang untuk meningkatkan dan memperluas Program Bacaan Berstruktur menggunakan kaedah Pemetaan Semantik apabila subjek kajian melangkah ke Darjah 5 kelak. Mereka juga ingin menjalankan program tersebut dengan murid Darjah 4 pada tahun hadapan.

Guru yang turut terlibat dalam kajian:

1. Muhammad Khairi Iqbal

## RUJUKAN

- Kamariah dan Zurianah (2017). Meningkatkan Penguasaan Kosa Kata Pelajar. *Menyempurnakan Kata Menyampaikan Makna Seminar Bahasa Melayu 2020*. Diterbitkan oleh Pusat Bahasa Melayu Singapura, Akademi Guru Singapura. Kementerian Pendidikan Singapura
- Linse, Caroline T (2006). *Practical English language teaching: young learners*. New York: McGraw-Hill
- Norah dan Norasiken (2020). Pengayaan Kosa Kata Dalam Karangan Berdasarkan Gambar Bersiri Melalui Portal SLS. *Memfaatkan Teknologi, Meningkatkan Pembelajaran Seminar Bahasa Melayu 2020*.



Diterbitkan oleh Pusat Bahasa Melayu Singapura, Akademi Guru Singapura. Kementerian Pendidikan Singapura.

Vanessa Steele (2008). How to approach discursive writing. [http://www.teachingenglish.org.uk/think/write/discursive write.shtml](http://www.teachingenglish.org.uk/think/write/discursive_write.shtml).

<https://www.readnaturally.com/research/5-components-of-reading/vocabulary>

